

Baca



3.9
C



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization



KUALA LUMPUR
Ibu Kota Buku Dunia 2020



PUSTAKA
SUMBER
ILMU

PERSATUAN PUSTAKAWAN
MALAYSIA

DANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PIRGAMAN



Baca

PUSTAKA PERDANA



1013314



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization



KUALA LUMPUR 2020
The City Never Sleeps



2

1

THE ABDUCTION
BY JONATHAN HOLT
THE ABDUCTION

LIVIN'
TRAVELIN'
SHANE

Baca

Kandungan

Sekapur Sirih: Datuk Bandar Kuala Lumpur	ii
Seulas Pinang: Presiden PPM	iv
Pengenalan	vi
Penghargaan	x
Bab 1 Perpustakaan di Malaysia	2
Bab 2 Mengapa Membaca?	16
Bab 3 Panduan Membaca	30
Bab 4 Keluarga Membaca	42
Bab 5 Biblioterapi Buat Saya Bahagia	56
Bab 6 Mencintai Buku Secara Positif: Transformasi Bibliomania ke Bibliofil	76
Bab 7 Gahnya KLBBC 2020	88
Anekdote Personaliti Bidang Kepustakawanan	109
Biodata Penulis	127

Sekapur Sirih

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Salam Sejahtera Pembaca Budiman,

Kita bertuah kerana kota Kuala Lumpur yang kita sayangi telah diangkat menjadi Ibu Kota Buku Dunia tahun 2020. Pengiktirafan dari badan dunia, UNESCO ini patut kita banggakan dan menyambutnya dengan membuktikan bahawa membaca telah menjadi budaya masyarakat kita. Pihak Dewan Bandaraya telah menyediakan pelbagai prasarana untuk pembangunan literasi warganya. Selain perpustakaan, kami menyediakan kios-kios, sudut bacaan, pustaka kecil percuma dan bahan-bahan bacaan percuma di merata tempat terutamanya tempat tumpuan awam. Pun begitu, segala kemudahan itu tidak akan memberi makna apa-apa jika kita tidak menyuburkan dan meneguhkan budaya membaca di kalangan masyarakat.

Menyedari kepentingan membaca maka Jawatankuasa *Kuala Lumpur World Book Capital 2020* atau KLWBC 2020 dengan tema *KL Baca: Caring Through Reading* bekerjasama dengan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku berjudul 'Baca'. Ini merupakan antara langkah promosi menggalakkan tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia khususnya warga Kuala Lumpur. Kandungan buku ini biarpun ringkas namun ia mencakupi pelbagai aspek berkaitan dengan aktiviti membaca, pembacaan dan dunia perbukuan. Buku ini adalah buku umum sesuai untuk bacaan masyarakat pelbagai peringkat umur dari pelajar sekolah, siswa dan ibu bapa.

Sebagai tanda sokongan kami untuk kelestarian alam, buku ini dicetak dalam bilangan yang terhad. Namun begitu, naskhah versi PDF juga disediakan untuk orang awam. Kami percaya versi PDF mudah disebarkan dan menjadi kesukaan generasi muda.

Kami berharap agar buku 'Baca' ini memberi banyak manfaat dalam usaha menggalakkan tabiat membaca di kalangan masyarakat bagi semua peringkat umur.

Semoga seluruh rakyat Malaysia, amnya dan warga kota Kuala Lumpur, khususnya merupakan warga bestari yang menjadikan membaca satu budaya seumur hidup.

Selamat Membaca!

Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah
Datuk Bandar Kuala Lumpur



Seulas Pinang

Presiden PPM

Syukur Alhamdulillah dengan izin-Nya, buku berjudul 'Baca' ini telah berjaya diterbitkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) adalah satu-satunya badan bukan kerajaan dalam bidang kepustakawanan dan pengurusan ilmu. PPM mendapat sokongan padu dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan semua jenis perpustakaan di Malaysia, dengan berkolaborasi dengan industri perbukuan dan organisasi-organisasi lain dalam menjayakan pelbagai program galakan membaca.

PPM telah ditubuhkan dengan misi mewujudkan masyarakat madani berasaskan pengetahuan melalui promosi ekuiti maklumat; pembelajaran sepanjang hayat dan sendiri; dan penambahbaikan profesional dalam bidang kepustakawanan dan pengurusan maklumat. Keprofesionalan dalam bidang ini menjadikan PPM sebagai penggerak utama bagi perkongsian ilmu dengan penganjuran persidangan, bengkel dan pelbagai aktiviti berkaitan di peringkat negara dan antarabangsa.

Selepas 60 tahun, kredibiliti PPM sebagai peneraju dan pengurus acara berkualiti dan berimpak tinggi diakui ramai demi pembangunan perpustakaan, masyarakat dan negara. Antaranya, setiap tahun PPM menganjurkan Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) yang mengumpulkan ahli *think tank* dari warga kerja pengurusan maklumat dan industri yang berkaitan, untuk membenteng kertas kerja, dan bertukar idea dan pemikiran demi transformasi bidang kepustakawanan. Kejayaan yang paling besar di peringkat antarabangsa ialah menjadi tuan rumah kepada penganjuran *International Federation of Library*

Associations and Institutions, World Library and Information Congress atau IFLA WLIC 2018 di Kuala Lumpur Convention Centre yang menjadi antara penganjuran terbaik dunia dengan kehadiran seramai 3,500 peserta dari 112 negara.

Cabaran pandemik Covid-19 yang kita lalui sekarang ini tidak menghalang Persatuan Pustakawan Malaysia untuk menerbitkan buku yang judulnya sangat dekat di hati PPM iaitu berkaitan galakan membaca.

Penerbitan buku 'Baca' ini adalah kolaborasi PPM dan Sekretariat KLBWC 2020, sempena *Kuala Lumpur World Book Capital* (KLBWC) 2020. Buku yang bersifat umum dan santai namun tetap berinformasi ini diharap dapat dimanfaatkan serta diamalkan oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira usia, lokasi geografi dan latar belakang pelajaran. Pengisian buku ini ditambah nilai dengan personaliti yang banyak menyumbang dan berjaya dalam bidang kepustakawanan dan pengurusan maklumat dengan berkongsi inspirasi mereka melalui ruangan Anekdote.

Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penerbitan dan penulis buku 'Baca' yang amat komited untuk menjayakan penerbitan buku ini. Saya yakin pengisiannya dapat mencetus dan melestarikan budaya membaca rakyat Malaysia sebagai amalan yang menyumbang kepada kecemerlangan diri serta minda dan seterusnya kejayaan pemikiran rakyat dan negara.

Selamat memBACA!

YBhg. Datu Dr. Hajah Rashidah Bolhassan
Presiden
Persatuan Pustakawan Malaysia 2020/2022



Pengenalan



Apabila Kuala Lumpur diumumkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 atau *Kuala Lumpur World Book Capital* (KLWBC) 2020, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) merupakan antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang tampil menawarkan aktiviti dan program menarik bagi meraikan sambutan KLWBC ini. Namun, tiada siapa dapat menjangka pandemik Covid-19 akan berlaku dan melanda seluruh dunia. Ini membawa kepada perubahan perancangan asal PPM untuk mengadakan acara secara bersemuka di lokasi sekitar Kuala Lumpur dengan mengambil inisiatif yang inovatif untuk menjadikan program secara dalam talian.

Ternyata langkah ini tepat apabila sebanyak 13 Siri Program Galakan Membaca *Heritage Trail 2* secara dalam talian telah dilaksanakan dengan pelbagai tajuk yang menarik minat ramai dalam bidang kepustakawan dan maklumat serta masyarakat luar. Pada Disember 2020, berlokasi di FB PPM, KLWBC dan FB hos atau penganjur, siaran yang diadakan secara langsung telah berjaya meraih lebih 20,000 tontonan maya. Program lain yang dianjurkan oleh PPM sempena KLWBC pada tahun 2020 ialah *Bookwalk & Bookhunt @ Bunus River* dan *Read in the Park (RITP)*.

Pada awal tahun 2021 pula Webinar KLOWBC 2.0: *The Finale* telah berjaya diadakan sepenuhnya secara dalam talian melibatkan kolaborasi pelbagai perpustakaan dari dalam dan luar negara.

PPM memang aktif menerbitkan buletin, jurnal serta buku dan mengorak langkah lebih dinamik pada tahun 2021 dengan mencadangkan penerbitan buku BACA kepada Sekretariat KLOWBC 2020. Saranan asal penerbitan buku berkaitan membaca oleh PPM untuk dihadiahkan kepada masyarakat secara percuma adalah cetusan ilham daripada Tuan Syed Salim Agha iaitu mantan Presiden PPM dan mantan Ketua Pustakawan UPM dan UIA. Perbincangan awal bagi penerbitan buku ini telah diadakan pada 1 Januari 2021 dan diikuti dengan perbincangan hala tuju editorial, penerbitan serta pasca terbitan yang dilakukan secara fizikal dan dalam talian. Setelah mendapat sokongan dan inspirasi daripada Dr. Hajah Rashidah Bolhassan selaku Presiden PPM dan kelulusan daripada Ahli Majlis PPM, kertas cadangan berkaitan penerbitan buku telah dihantar kepada Sekretariat KLOWBC 2020 dan mendapat kelulusan dana pada Mac 2021.

Penulisan buku ini menyentuh semua aspek perbukuan yang mana objektif penerbitan buku 'Baca' ini adalah untuk memantapkan lagi peranan PPM dalam menggalakkan aktiviti pembacaan dan celik ilmu dengan menghayati manfaat membaca untuk mendapat tambahan ilmu pengetahuan, meneliti komponen yang terlibat dengan pembacaan dan penghasilan pemikiran minda yang positif dan terbuka. Di samping itu juga ia dapat menunjukkan perkaitan kukuh aktiviti membaca yang seiring dengan bidang kepustakawanan dan maklumat. Pada masa yang sama, PPM berperanan dalam *library and community engagement* yang beriltizam untuk melihat pengaruh perpustakaan dan keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Justeru, matlamat penerbitan ini turut mengambil kira simbiosis aspek budaya membaca sebagai amalan, aktiviti berkaitan

membaca, isu berkaitan dan pastinya kesedaran terhadap peranan perpustakaan.

Bagi mencapai misi serta objektif penerbitan ini, setiap bab di dalam buku 'Baca' disusun secara inklusif yang merangkumi latar belakang perpustakaan di Malaysia, manfaat membaca, tips membaca, pengurusan perpustakaan keluarga, berkaitan biblioterapi, isu kompulsif berkaitan buku dan impak positif pembacaan. Julung-julung kali, buku 'Baca' turut memuatkan kata-kata hikmah daripada personaliti yang masih dan pernah berkhidmat di perpustakaan negara, akademik, awam, khusus serta pusat sumber sekolah dan fakulti berkaitan pengurusan maklumat. Mereka berkongsi pengalaman peribadi serta impak membaca yang membentuk jati diri mereka sebagai pemimpin organisasi, anggota dalam masyarakat dan ahli dalam institusi keluarga.

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan penulis buku 'Baca' terdiri daripada pengamal industri termasuk pustakawan, penulis buku dan penerbit yang masih berkhidmat dan telah bersara. Jawatankuasa juga menyediakan kandungan buku dan proses awalan editorial selain daripada menulis bab buku. Usaha mempromosikan buku 'Baca' juga telah diatur yang melibatkan aktiviti pembacaan secara jerayawara sambil mengedarkan buku serta poster mengenai manfaat membaca kepada masyarakat, perpustakaan dan pusat sumber terpilih. Malah, promosi dalam talian juga akan diadakan bagi memperluaskan objektif penerbitan buku untuk dibaca oleh khalayak.

Menurut Zaini Ujang dalam bukunya *Membaca: Motivasi dan Kaedah* (2019), "Sesungguhnya, membaca boleh memberi ketenangan kepada jiwa dan fikiran. Membaca memantapkan aspirasi dan cita-cita. Membaca menanamkan semangat dan pada masa yang sama, mengentalkan azam. Membaca juga

membimbing anda untuk melangkah menjejak kehidupan lebih sempurna. Membaca menenangkan anda kala sunyi, dan menghiburkan ketika sepi. Membaca meluaskan ufuk pemikiran. Sesungguhnya membaca menyuluh kehidupan!”.

Maka tepatlah inisiatif PPM untuk menerbitkan buku mengenai membaca ini untuk disebar luas kepada masyarakat dalam usaha memupuk lagi minat membaca terutama di musim pandemik Covid-19, agar masyarakat lebih tenang, memahami dan menjiwai bahan bacaan yang dibaca tanpa mengira bacaan berbentuk cetak atau buku dan sumber elektronik lain. Membaca memenuhi ruang jiwa yang sesak dengan situasi pandemik yang diharapkan akan berakhir sepenuhnya.

Walaupun KLWBC 2020 telah sampai ke penghujungnya pada 22 April 2021 yang lalu, PPM mengharap kesan positif daripada aktiviti perbukuan dan pembacaan sepanjang program tersebut akan berakar umbi dan sebatu dalam jiwa para pencinta buku. Semoga melalui penerbitan buku ‘Baca’ ini rasa cinta terhadap buku terus mekar mewangi dan sumbangan kecil PPM ini dapat memberi impak positif kepada aktiviti pembacaan dan kemajuan perkembangan pemikiran masyarakat.

Puan Hajah Siti Sumaizan Ramli
Pengerusi Penerbitan Buku ‘Baca’
merangkap Naib Presiden 1
Persatuan Pustakawan Malaysia 2020/2022



Penghargaan

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan buku 'Baca' dan mereka yang menyumbang secara tidak langsung terhadap penerbitan buku ini:

Sekretariat KLWBC 2020 atas pembiayaan penerbitan buku
Semua penulis bab

Semua penyumbang Anekdot Personaliti Bidang
Kepustakawanan


Jawatankuasa Kecil Anekdot – Puan Shamsiah Abu Bakar
dan Puan Zurina Abd Aziz

Jawatankuasa Kecil Semakan – Puan Siti Sumaizan Ramli,
Puan Hasnita Ibrahim dan Cik Mimi Salleh

Jawatankuasa Kecil Penyelidikan - Datin Che Normadiah
Che Abbas, Dr. Zuridah Hanim Md Akhir, Cik Rohaya
Umar, Puan Samsul Khamariah Hamzah dan Puan Chin Loy
Jyoon

Jawatankuasa Kecil Infografik dan Buku Digital – Cik Mimi
Salleh

Jawatankuasa Kecil Promosi Buku – Tuan Ts Amirul Firdaus
Zilah, Puan Nurfarawahidah Badruesham, Encik Mohd
Tazman Utuh Tang dan Cik Farah Syazwani Baharuddin.



Bab 1

PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA

Siti Sumaizan Ramli dan Ali Rashid

Pengenalan

Pernahkah anda mendengar istilah kutubkhanah atau pustaka?

Nama kutubkhanah asalnya dikenali dalam bahasa Urdu yang bermaksud perpustakaan atau sebuah ruang yang menempatkan koleksi buku untuk membaca, membuat rujukan dan pinjaman kepada masyarakat. Pustaka pula ditafsirkan sebagai satu lambang puncak keilmuan untuk masyarakat dan negara bagi mengkaji dan meneroka sumber maklumat dan ilmu dalam pelbagai bidang perkara.



GEDUNG ILMU: Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)

Salah satu kutubkhanah terawal di Tanah Melayu adalah di Melaka dan dikenali sebagai Kutubkhanah Melaka. Tempat ini dibangunkan di Stadthuys sekitar tahun 1881. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Kutubkhanah Melaka dipindahkan ke Dewan Hang Tuah pada tahun 1966. Pada tahun 1975, nama Kutubkhanah ini dikenali sebagai Perpustakaan Awam Melaka.

Sesebuah perpustakaan perlu mempunyai martabat dan konsepnya tersendiri. Nama pustaka itu cukup gah dari segi terminologi dengan kedudukannya sebagai sumber ilmu. Pelbagai faktor yang boleh menarik masyarakat untuk berkunjung ke perpustakaan, antaranya ialah lokasi perpustakaan, keunikan seni bina bangunan dan landskap taman yang menarik, serta kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengunjungnya. Selain faktor-faktor ini, keperluan mendapatkan bahan bacaan dan maklumat adalah faktor utama yang menarik masyarakat untuk mengunjungi perpustakaan.

Perpustakaan dan Program Galakan Membaca

Peranan perpustakaan dalam program membaca dan meningkatkan ilmu pengetahuan menjadi penting bermula daripada peringkat prasekolah, sekolah, universiti dan sepanjang hayat manusia. Perpustakaan berperanan menerapkan budaya membaca sebagai gaya hidup untuk melahirkan masyarakat berilmu, mempunyai hikmah serta minda kelas pertama.

Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) digubal bagi memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara. Program ini juga bertujuan memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan

masyarakat berbudaya membaca dan mencintai ilmu. Selain itu, Dasar Galakan Membaca ini juga memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara iaitu ‘menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca’ serta selaras dengan strategi Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Pusat Maklumat perkara 4.7.5 iaitu ‘untuk menanam dan menggalakkan minat membaca’.

Dasar ini juga menyokong Dasar Buku Negara perkara 3 iaitu ‘memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca yang tinggi dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti’.



BACA:
Program galakan membaca
untuk pelajar sekolah di PNM.

Jenis-jenis Perpustakaan di Malaysia

Perpustakaan di Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis mengikut fungsi dan objektif penubuhan perpustakaan. Kategori perpustakaan adalah seperti berikut:

1. Perpustakaan Negara
2. Perpustakaan Awam
3. Perpustakaan Akademik
4. Perpustakaan Khusus
5. Pusat Sumber Sekolah

1. Perpustakaan Negara

Sejarah penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bermula pada tahun 1966 dengan pewujudan Unit Bibliografi Kebangsaan di Arkib Negara Malaysia yang bertanggungjawab dalam melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku 1966. Unit ini dinaiktarafkan kepada Bahagian Perpustakaan Negara yang menjadi sekretariat kepada sebuah Jawatankuasa untuk merancang penubuhan Perpustakaan Negara.

PNM melalui Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) ditubuhkan dengan maksud dan tujuan seperti yang berikut:

- i. Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- ii. Memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- iii. Mengadakan kepemimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.


2. Perpustakaan Awam

Institusi yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan awam kepada masyarakat di setiap negeri melalui perpustakaan seperti perpustakaan awam negeri, wilayah, cawangan, pekan, desa dan bergerak. Perpustakaan ini ditubuhkan dan dibiayai secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Di Malaysia, salah satu contoh perpustakaan negeri ini ialah Pustaka Negeri Sarawak yang mula beroperasi pada tahun 2000. Penempatan lokasinya yang strategik di dalam kawasan yang luas dan dikelilingi taman hijau serta tasik yang mendamaikan, Pustaka Negeri Sarawak menjadi antara destinasi riadah paling popular dalam kalangan penduduk sekitar Bandaraya Kuching.

Keunikan seni bina dan kemudahan moden dan kondusif, Pustaka Negeri Sarawak bukan sekadar menawarkan perkhidmatan rujukan maklumat semata-mata, tetapi turut menjadi destinasi pilihan untuk penganjuran persidangan, seminar, bengkel serta aktiviti sosial yang lain.

DAMAI:
Suasana damai sekitar
Pustaka Negeri Sarawak
dengan pemandangan
tasik yang tenang.



i. Perpustakaan Awam Wilayah

Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk di antara 100,000 – 200,000 orang. Perpustakaan awam wilayah yang terdapat di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

ii. Perpustakaan Awam Metropolitan

Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk di antara 200,000 – 400,000 orang. Perpustakaan ini kini dikategorikan sebagai perpustakaan awam cawangan.

iii. Perpustakaan Awam Cawangan/Daerah

Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk setempat seperti di bandar, daerah dan mukim.

iv. Perpustakaan Awam Pekan/Komuniti

Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk setempat seperti di pekan dan kawasan sekitar serta dalam pusat membeli belah.

v. Perpustakaan Desa

Perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan di kawasan kampung atau luar bandar yang terletak jauh daripada perkhidmatan perpustakaan pekan dan cawangan.

vi. Perpustakaan Bergerak

Perpustakaan yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat untuk memberikan perkhidmatan

Rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat boleh menjadikan buku 'Baca' sebagai panduan bagi meningkatkan minat serta aktiviti membaca walau di mana sahaja mereka berada. Masyarakat perlu diyakinkan dan diingatkan akan faedah membaca yang menjadi kunci utama kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Sehubungan itu, penerbitan buku 'Baca' turut memperkenalkan perpustakaan dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) sekaligus mengangkat penglibatan dan kepentingan profesion kepustakawanan kepada masyarakat. Buku 'Baca' ini merangkumi aktiviti anjuran PPM dan rakan kolaborasi semasa meraikan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020).

Istimewanya, buku ini turut dibuat dalam paparan infografik di penghujung bab dan pelbagai foto menarik aktiviti membaca. Buku ini mengandungi bab-bab terpilih dan perkongsian kata-kata hikmah oleh mereka yang terlibat dalam bidang kepustakawanan dan perbukuan.

Hasrat PPM dengan kejayaan Malaysia menganjurkan KLWBC 2020, dunia perbukuan terus maju dan individu serta pelbagai organisasi bersatu padu menyumbang kepada perkembangan peradaban masyarakat dan negara.

ISBN 978-967-25842-0-9



9 789672 584209

